



KENYATAAN MEDIA

SINERGI KERAJAAN NEGERI PERAK DAN AADK PERKUKUH STRATEGI KE ARAH MENCAPAI SASARAN DADAH TERKAWAL 2030

IPOH, 11 Jun 2026 – Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan dan syabas kepada YAB Dato' Seri Saarani bin Mohamad, Menteri Besar Negeri Perak, serta seluruh Ahli Mesyuarat Majlis Tindakan Membanteras Dadah (MTMD) Negeri Perak atas komitmen jitu dan sokongan tanpa berbelah bahagi dalam mengawal serta menangani isu penyalahgunaan dadah di negeri ini.

Kolaborasi strategik antara Kerajaan Negeri Perak, ketua-ketua jabatan, agensi kerajaan, dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) amat kritikal bagi memastikan sasaran Inisiatif Dadah Terkawal 2030 dapat direalisasikan dengan berkesan.

Inisiatif Dadah Terkawal 2030 merupakan sasaran strategik AADK melalui dokongan Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk memastikan isu penyalahgunaan dan penagihan dadah di Malaysia berada pada tahap yang boleh diurus secara sistematik.

Selain itu, AADK turut melaksanakan pemerkasaan peringkat akar umbi melalui Inisiatif Kampung Aspirasi Bebas Dadah (KABD). Sebagai langkah memperkasakan agenda pencegahan dan penguatkuasaan di peringkat komuniti, AADK Negeri Perak mengumumkan 10 buah kampung yang dipilih mengikut daerah bagi menerajui inisiatif KABD. Usaha ini dilaksanakan sebagai benteng pertahanan komuniti yang menyuburkan semangat kepimpinan tempatan dan mewujudkan rasa tanggungjawab (ownership) bersama dalam menjaga kawasan masing-masing daripada ancaman dadah.

Inisiatif terbaharu AADK dalam memperhebat kempen Pencegahan Dadah Tanggungjawab Bersama adalah melalui program Jelajah Aspirasi Bebas Dadah (JABD) yang menjadi inisiatif dan gerakan mampan dalam merealisasikan wawasan Dadah Terkawal 2030. Fokus utama program JABD adalah untuk menyantuni masyarakat secara langsung dengan pendekatan turun padang merentas daerah untuk menyampaikan maklumat, menyalurkan bantuan perkhidmatan, dan meningkatkan kesedaran awam bagi memutuskan ruang penularan dadah.

AADK ingin menegaskan usaha membendung isu penagihan dan penyalahgunaan dadah atau bahan tidak akan berjaya tanpa sokongan daripada orang awam. Sehubungan itu, masyarakat diseru untuk menjadi 'mata dan telinga' kepada AADK untuk menyampaikan maklumat dan aduan. Sebarang maklumat mengenai aktiviti penyalahgunaan dadah atau permohonan bantuan rawatan dan pemulihan boleh disalurkan terus melalui Talian Hotline AADK bernombor 1-800-22-2235 atau Aplikasi Whatsapp bernombor 019-626 2235 atau hadir ke mana-mana pejabat AADK Daerah yang berhampiran.

AADK optimis bahawa dengan sinergi yang padu antara kerajaan negeri, agensi, dan seluruh lapisan masyarakat, rantai penagihan dadah sintetik dapat diputuskan. Usaha berterusan ini bakal melindungi modal insan demi merealisasikan visi Negeri Perak yang selamat, sihat, dan sejahtera menjelang tahun 2030.

TAMAT

ZAINUDDIN ABDULLAH
TIMBALAN KETUA PENGARAH (OPERASI)
AGensi ANTIDADAH KEBANGSAAN